

TARIKH	23 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	9	RUANGAN	Nasional

© ROHAIZA AB RAHMAN | BERITA HARIAN

Hasrat tunai haji berkecai

35 warga tua dakwa ditipu imam

Oleh Rohaiza Ab Rahman
bhkb@bharian.com.my

TUMPAT: Hasrat 35 bakal jemaah haji sekitar Pondok Berangan, di sini, untuk menuaikan ibadat itu di Makkah berkecuali apabila mendakwa mereka ditipu seorang lelaki berperwatakan warak.

Mangsa kebanyakannya warga tua juga mendakwa melunaskan bayaran antara RM11,000 hingga RM12,000 sejak tiga tahun lalu untuk membolehkan mereka mengerjakan rukun Islam kelima itu.

Lebih menyedihkan apabila ramai daripada mereka sanggup menjual tanah pusaka atau mengeluarkan wang simpanan Tabung Haji semata-mata mahu berangkat ke Tanah Suci berikutan faktor usia yang semakin lanjut serta uzur.

Mangsa, Tuan Sulaiman Mohamad, 85, yang tidak dapat menyembunyikan kesedihaninya berkata, beliau amat kecewa apabila individu itu sanggup menipunya dengan memberi harapan palsu.

"Tiga tahun lalu, saya jual tanah pusaka untuk menuaikan haji menerusi Tabung Haji, namun memikirkan usia sudah lanjut maka saya mengambil duit itu dan menyerahkan kepada seorang imam kerama begitu mempercayainya."

"Selepas itu, setiap tahun saya bertanyakan kepada imam itu bila saya dapat pergi ke Tanah Suci, namun pelbagai alasan diberikan dan hasrat ke sana masih tidak kesampaian," katanya yang berharap dapat mengerjakan ibadah itu sebelum 'menutup mata'.

Mengulas lanjut, Tuan Sulaiman berkata, anaknya menemui imam



TUAN SULAIMAN (kiri) menunjukkan laporan polis ketika ditemui di Balai Polis Tumpat kelmarin.

terbabit untuk meminta kembali duit yang diserahkan, namun lelaki itu memberi pelbagai alasan.

Guru Pondok Berangan, Mohamad Ali, 70, yang mengaku menjadi perantara antara imam dengan bakal haji itu berkata, dia bersa amat bersalah dengan apa yang berlaku kerana langsung tidak menyangka individu berkenaan akan berbuat demikian.

Katanya, individu berkenaan

ialah anak muridnya dan atas kepercayaan itu dia dan keluarganya sanggup menyerahkan wang kepada lelaki terbabit, tiga tahun lalu.

Beliau ditemui selepas membuat aduan di Balai Polis Tumpat kelmarin.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Tumpat, Superintendant Khalid Munap, ketika dihubungi mngesahkan menerima laporan berkaitan kes berkenaan.